

D.R. 20/91

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

□

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1991. Tajuk ringkas.
2. Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda, dalam Fasal (1), dengan menggantikan perkataan-perkataan "oleh Suruhanjaya Pilihanraya adanya kekosongan" dengan perkataan-perkataan "oleh Yang Dipertua Dewan Negara bahawa ada kekosongan atau oleh Suruhanjaya Pilihanraya bahawa ada kekosongan luar jangka, mengikut rana-mana yang berkenaan,". Pindaan Perkara 54.
3. Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan Perkara 132.
 - (a) dalam Fasal (1), dengan memotong perenggan (e) dan
 - (b) dalam Fasal (2A), dengan memotong huruf dan tanda bacaan "(e)".

Pindaan
Perkara 139.

4. Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda, dalam Fasal (1), dengan menggantikan perkataan-perkataan "perenggan (c), (e) dan (/)" dengan perkataan-perkataan "perenggan (c) dan (/)".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perlembagaan Persekutuan.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan bagi memperuntukkan bahawa mana-mana kekosongan di kalangan anggota-anggota Dewan Negara hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu disahkan oleh *Yang Dipertua Dewan Negara*, bukan Suruhanjaya Pilihanraya sebagaimana halnya sekarang, memandangkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak terlibat dalam proses pengisian kekosongan dalam Dewan Negara.

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 132 Perlembagaan untuk memotong perkhidmatan keretapi daripada senarai perkhidmatan awam dalam Perkara itu. Perkhidmatan keretapi akan, selepas pindaan itu, menjadi sebahagian daripada perkhidmatan awam am Persekutuan, di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Sebenarnya, Suruhanjaya itulah sekarang ini yang mempunyai bidang kuasa atas anggota-anggota perkhidmatan keretapi. Ia mengambil alih bidang kuasa sedemikian apabila perkhidmatan keretapi tidak lagi mempunyai Suruhanjayanya sendiri dalam tahun 1981.

4. Pindaan yang dicadangkan dalam *fasal 4* ialah pindaan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan. [PN. (U²) 1548.]